



# FAQ VAKSIN & IMUNISASI

DARI ASPEK  
SYARAK DAN PERUBATAN



جامعة إسلام ماليزيا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

## KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH JAKIM



Segala puji-pujian dirafakkan ke hadrat Allah S.W.T., Tuhan sekalian alam dan selawat serta salam buat junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W.

Alhamdulillah dengan taufik dan inayahNya, "FAQ VAKSIN DAN IMUNISASI DARI ASPEK SYARAK DAN PERUBATAN" yang merupakan kompilasi soalan-soalan lazim mengenai isu vaksinasi ini telah dapat diterbitkan sebagai panduan dan rujukan masyarakat awam seluruhnya. Penjelasan terhadap soalan-soalan lazim ini telah dihasilkan secara bersama antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). KKM dan JAKIM menyedari ada di kalangan ibubapa yang agak khuatir dan ragu-ragu untuk memberikan suntikan vaksin atau imunisasi kepada bayi mereka ekoran daripada berita-berita dan khabar angin yang tersebar luas di media baru yang mengatakan bahawa vaksin mengandungi bahan-bahan haram dan membahayakan yang boleh mengancam kesihatan dan nyawa manusia. Juga turut disebarkan ialah program imunisasi yang dijalankan oleh Kerajaan adalah bertujuan untuk melemahkan umat Islam. Semua berita yang tersebar ini dilakukan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dan sebenarnya boleh mendedahkan anak-anak dan masyarakat kita dengan kemungkinan dijangkiti penyakit-penyakit merbahaya yang boleh mengancam nyawa. Dari aspek pandangan syarak pula, imunisasi merupakan satu jalan pencegahan yang amat dituntut dalam Islam. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia sejak dari tahun 1988 lagi telah mengeluarkan beberapa pandangan hukum yang berkaitan langsung dengan imunisasi yang seharusnya menjadi panduan seluruh umat Islam.

Saya berharap penerbitan buku ini dapat memberikan maklumat dan penjelasan sebenar kepada seluruh masyarakat mengenai isu vaksinasi ini dan dijadikan panduan dalam kehidupan seharian. Mudah-mudahan segala usaha murni ini akan beroleh rahmat dan keberkatan daripada Allah S.W.T.


Sekian, terima kasih.



(DATO' HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA)  
Ketua Pengarah  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia


## Apa Pandangan Islam Mengenai Penjagaan Kesihatan Ummah?

Di dalam Islam penjagaan terhadap lima (5) perkara utama yang terkandung dalam Maqasid Syar'iyyah iaitu **agama**, **nyawa**, **akal**, **keturunan** dan **harta** adalah amat dituntut. Penjagaan dan pemeliharaan syariat terhadap lima (5) kriteria asas tersebut merupakan satu perkara yang sangat penting dalam penentuan Syariat Islam.



Kesihatan individu dan masyarakat adalah antara tuntutan agama dan kehidupan, di mana ia akan memberi manfaat dan kemaslahatan kepada kehidupan seluruh umat manusia. Oleh itu, tindakan pencegahan daripada perkara-perkara yang boleh memudharatkan kesihatan dan nyawa manusia adalah amat dituntut oleh Islam bersesuaian dengan Kaedah Fiqhiyyah سد الذريعة (Menyekat Pintu Kerosakan).

## Adakah Islam Membenarkan Imunisasi?



Imunisasi adalah satu cara pencegahan yang dapat dilakukan bagi mengelakkan penyakit-penyakit merbahaya yang mengancam nyawa, khususnya kanak-kanak seperti demam campak (*measles*), tibi (batuk kering), batuk kokol (*pertussis*), difteria, tetanus (kancing gigi) atau polio. Penggunaan vaksin dalam program imunisasi bagi mengelak bahaya penyakit-penyakit yang berkenaan adalah diharuskan oleh syarak selaras dengan Kaedah Fiqhiyyah iaitu درء المفاسد مقدم على حلب المصالح (menolak kerosakan adalah didahului daripada mencari kemaslahatan).

Sesuatu kerosakan akan cepat berkembang dan bahayanya adalah lebih besar sekiranya tidak dicegah daripada awal. Keharusan ini juga adalah berdasarkan Firman Allah S.W.T. dalam surah Al- Baqarah, Ayat 195 yang bermaksud:

*Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan.*

Program imunisasi ini bukan lagi merupakan kehendak seorang individu, tetapi imunisasi kini menjadi keperluan kepada masyarakat secara umumnya.

### *Adakah Islam Mbenarkan Penggunaan Ubat Daripada Sumber Yang Haram?*

Islam pada dasarnya menegah penggunaan ubat dari sumber yang haram untuk mengubati sesuatu penyakit. Ketetapan ini adalah berdasarkan hadith Rasulullah S.A.W. yang bermaksud: “Dari Abi Darda’ RA, Rasulullah S.A.W. berkata: Sesungguhnya Allah telah menurunkan penyakit dan penawar, dan Dia telah menjadikan bagi



tiap-tiap penyakit itu penawar, maka kamu semua berubatlah dan janganlah kamu semua berubat dengan (perkara-perkara) yang haram”.



Walau bagaimanapun, dalam keadaan darurat di mana tiada ubat lain yang boleh digunakan secara berkesan untuk mengubati sesuatu penyakit, sedangkan sesuatu penyakit

itu perlu dicegah dan dirawat untuk memelihara kesihatan diri dan nyawa, ubat yang bersumberkan perkara-perkara yang ditegah adalah diharuskan selama mana tiada ubat lain dari sumber yang halal ditemui dan ianya dilakukan mengikut kadar yang diperlukan sahaja.



Dalam mempertimbangkan keharusan ini, syarat-syarat yang ditetapkan untuk memastikan keperluan tersebut berada di peringkat darurat perlulah dipenuhi. Syarat-syarat tersebut ialah:

1. Berlaku atau wujud satu keadaan di mana kemusnahan atau kemudharatan pada lima perkara asas ataupun kemusnahan akan berlaku secara pasti ataupun berdasarkan kepada sangkaan yang kuat berpandukan pengalaman-pengalaman atau pengetahuan;
2. Seseorang yang berada dalam keadaan darurat itu bertentangan dengan perintah atau larangan syarak, atau tidak terdapat sesuatu yang diharuskan oleh syarak untuk menghilangkan kemudharatan melainkan perkara yang ditegah;
3. Mestilah dipastikan bahawa kewujudan benda-benda halal yang lain tidak dapat menghindarkan kemudharatan yang menimpa pesakit;
4. Pengambilan yang haram itu sekadar keperluan sahaja; dan
5. Pada waktu pengubatan, pengambilan yang haram itu hendaklah dipasti dan diperakui oleh seorang doktor pakar muslim yang adil.

### *Apakah Yang Dimaksudkan Sebagai Vaksinasi Atau Imunisasi?*

Imunisasi adalah satu cara pencegahan yang dapat dilakukan bagi mengelakkan penyakit-penyakit merbahaya yang mengancam nyawa khususnya kanak-kanak seperti campak, *tibi*, batuk kokol, *difteria*, *tetanus* atau *polio*. Penggunaan vaksin dalam program imunisasi bagi mengelak bahaya penyakit-penyakit yang berkenaan adalah diharuskan oleh syarak selaras dengan Kaedah Fiqhiyyah iaitu:

درء المفاسد مقدم على جلب المصالح

Maksudnya, “Menolak kerosakan didahului daripada mencari kemaslahatan”.

Imunisasi boleh dikategorikan sebagai alat yang akan menghasilkan antibodi terhadap badan manusia melawan penyakit yang mendatang. Dalam buku “*The Development of New Vaccines*”, Gordon L. Ada (1994) berkata bahawa antibodi membawa maksud daya pertahanan dan satunya mekanisme yang mana boleh menghalang suntikan digunakan untuk tujuan melawan agen. Vaksin yang efektif boleh membuatkan kebolehdayaan antibodi dalam badan.



Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization) mendefinisikan “imunisasi” sebagai proses di mana seseorang itu dijadikan imun atau tahan penyakit berjangkit, biasanya melalui pengambilan vaksin. Vaksin merangsang sistem imun badan sendiri untuk melindungi seseorang itu daripada jangkitan berikutnya atau sebarang jenis penyakit (<http://www.who.int/topics/immunization/en/>).

Satu istilah yang sama dengan imunisasi ialah vaksinasi. Abd Rahman (2013) mendefinisikan vaksinasi sebagai satu proses pengaktifan sistem imun buatan manusia sebagai usaha untuk melindungi manusia daripada penyakit berjangkit.

### *Bagaimana Proses Pembuatan Vaksin?*

Vaksin terhasil daripada pembiakan organisma hidup. Sesetengah organisma tersebut adalah penyebab penyakit berbahaya. Oleh itu, penghasilan vaksin dijalankan dalam keadaan yang dikawalselia dengan rapi. Semua pengeluar vaksin tertakluk kepada peraturan kebangsaan dan antarabangsa serta perlu mematuhi spesifikasi Amalan Pengilangan Baik (GMP). Perkara asas yang perlu dipatuhi termasuk:

1. Memastikan produk adalah selamat untuk kegunaan masyarakat; dan

- Memastikan identiti, kekuatan, kualiti dan keaslian produk sentiasa mematuhi spesifikasi yang ditetapkan.


Penghasilan vaksin dijalankan di dalam persekitaran bebas kuman dan dipantau secara rapi melalui langkah-langkah kawalan kualiti. Proses penghasilan boleh berbeza mengikut jenis vaksin kerana beberapa komponen yang digunakan dalam proses penghasilan adalah khusus kepada jenis vaksin sama ada berunsurkan virus atau bakteria. Secara amnya, penghasilan vaksin melibatkan empat langkah asas:



Rajah 1: Empat langkah dalam proses penghasilan vaksin

### 1. Pembiakan

Pembiakan organisma hidup yang digunakan dalam vaksin.



### 2. Pengasingan

Pengasingan organisma hidup daripada sel atau media pertumbuhan yang digunakan semasa langkah pembiakan.



### 3. Penulenan

Mengeluarkan semua bahan yang mungkin melekat pada organisma yang dikultur, atau memisahkan bahagian khusus daripada organisma untuk digunakan dalam vaksin.



### 4. Formulasi

Melibatkan pencampuran bahan yang telah ditulenkkan ke dalam larutan sehingga ia mencapai kepekatan yang sesuai. Proses ini juga merangkumi penambahan komponen seperti pengawet, pelarut, *adjuvant* dan agen penstabil. Di peringkat akhir proses penghasilan, vaksin diisi ke dalam botol atau picagari dan dibungkus untuk dihantar ke fasiliti kesihatan.








Figure 2 : Processes involved at each of the four steps of vaccine manufacturing

Source : Vaccine Fact Book 2012, page 58

### Contoh: Penghasilan vaksin berunsurkan virus

Oleh kerana virus hanya membiak di dalam sel hidup, virus yang digunakan dalam vaksin dibiakkan di dalam sel atau sel Vero. Setelah virus membiak, ia diasinkan daripada sel dan medium kultur sel. Beberapa teknik digunakan untuk proses pengasingan ini, seperti pemecahan sel menggunakan bahan kimia, sentrifugasi dan penapisan atau proses penyeragaman.



Proses seterusnya adalah penulenan virus, yang juga melibatkan beberapa teknik sentrifugasi, penapisan ultra, kromatografi atau penulenan menggunakan bahan kimia. Pada peringkat ini, virus juga dilemahkan secara kimia untuk penghasilan vaksin menggunakan virus yang dilemahkan.

Persediaan virus tadi kemudiannya dicampurkan dengan bahan lain untuk memastikan setiap dos vaksin mencapai kepekatan yang sesuai agar boleh diberikan secara selamat. Pada peringkat ini, vaksin boleh digabungkan dengan antigen lain (seperti vaksin measles-mumps-rubella). Produk yang telah dicampurkan diisi ke dalam botol atau

picagari. Sesetengah vaksin dikering-bekukan pada peringkat ini bagi memanjangkan tempoh simpanan vaksin.

### **Contoh: Proses penghasilan vaksin berunsurkan bakteria**

Bakteria tidak memerlukan sel hidup untuk membiak, maka ia dibiakkan dalam bioreaktor yang mengandungi media kultur khusus. Setelah dibiakkan, pengasingkan dilakukan secara sentrifugasi atau menggunakan teknik khusus bagi mengekstrak polisakarida. Proses penulenan adalah khusus kepada antigen yang digunakan, seperti pemendakan kimia atau pemeringkatan, penapisan ultra and langkah kromatografi. Pada peringkat ini, protein pembawa boleh digabungkan dengan vaksin polisakarida dan vaksin yang telah digabungkan kemudiannya ditulenkan melalui pelbagai teknik penapisan atau kromatografi. Produk yang telah ditulenkan kemudiannya digunakan sebagai vaksin. Pada peringkat ini juga produk boleh digabungkan dengan beberapa antigen lain. Sesetengah vaksin polisakarida mengandungi beberapa jenis polisakarida (seperti vaksin polisakarida pneumococcal mengandungi 23 polisakarida berbeza) manakala sesetengah vaksin berunsurkan bakteria digabungkan dengan bakteria lain dan/atau antigen virus (seperti vaksin Difteria-Tetanus-Pertussis-Hepatitis B atau juga dikenali sebagai DTP-Hep B).



### **Apakah Yang Terkandung Dalam Sesuatu Vaksin?**

Vaksin mengandungi bahan aktif dipanggil antigen. Antigen ini sama ada dalam bentuk virus hidup, virus yang telah dimatiakan, protein virus yang telah disucikan, toksin bakteria yang telah dilemahkan atau sebahagian dari struktur bakteria. Vaksin juga mengandungi komponen tambahan seperti pengawet, penstabil, adjuvant dan beberapa komponen lain. Setiap bahan yang terkandung di dalam vaksin mempunyai fungsi tersendiri dan menyumbang kepada kualiti, keselamatan dan keberkesanan sesuatu vaksin. Vaksin tidak mengandungi bahan yang boleh membahayakan tubuh badan.

Pengawet di dalam sesetengah vaksin berfungsi untuk menstabilkan vaksin serta mencegah pembiakan bakteria dan kulat dalam vaksin. Pengawet yang selalu digunakan ialah *thiomersal* (atau *thimerosal*). Ia mengandungi sejenis raksa yang dinamakan *ethyl merkuri*. Ia tiada kaitan dengan sebarang kesan toksik *methyl merkuri*. *Methyl merkuri* adalah toksik kepada sistem saraf. *Thiomersal* yang telah digunakan dalam vaksin sejak 80 tahun lalu, wujud dalam kuantiti yang amat sedikit. Sehingga hari ini tiada sebarang bukti saintifik yang menunjukkan ia berbahaya.

Setelah mengkaji bukti epidemiologi terkini berkaitan *thiomersal* dan profil farmakokinetiknya, Jawatankuasa Penasihat Sedunia bagi Keselamatan Vaksin di bawah Pertubuhan Kesihatan Sedunia telah membuat kesimpulan bahawa tiada bukti kesan toksik *merkuri* ke atas bayi, kanak-kanak atau orang dewasa yang terdedah kepada *thiomersal* dalam vaksin. Tambahan pula, banyak kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa tiada bukti menunjukkan kecacatan sistem saraf atau perkembangan seperti *autisme* disebabkan oleh penggunaan vaksin yang mengandungi *thiomersal*.

Bahan penstabil berfungsi mencegah komponen vaksin dari melekat di dinding botol vaksin. Ia mengekalkan keselamatan dan keberkesaan vaksin di dalam keadaan dan suhu yang pelbagai. *Gelatin* dan *lactose-sorbitol* adalah contoh bahan penstabil.

*Adjuvant* ditambah ke dalam vaksin untuk meningkatkan tindak balas sistem ketahanan tubuh terhadap vaksin. *Adjuvant* yang sering digunakan adalah garam aluminium (dikenali sebagai alum). Pengambilan aluminium dari vaksin adalah lebih rendah berbanding dengan pengambilan harian dari makanan atau ubat-ubatan seperti antasid. Penelitian semua kajian yang ada berkaitan vaksin *difteria*, *tetanus* dan *pertussis* yang mengandungi aluminium (sama ada secara berasingan atau kombinasi) menunjukkan bahawa tiada bukti garam aluminium di dalam vaksin menyebabkan sebarang kesan sampingan serius atau kesan sampingan jangka masa panjang. Kemerahan dan Bengkak pada tempat suntikan selalunya berkait dengan vaksin yang mengandungi aluminium berbanding vaksin yang tiada kandungan aluminium, namun kesan ini selalunya ringan.

## Bagaimanakah Vaksin Berfungsi?

Tubuh kanak-kanak menghasilkan sel dan antibodi secara semulajadi bagi melindunginya daripada jangkitan virus dan bakteria. Walau bagaimanapun, mekanisme pertahanan ini boleh dirangsang dengan suntikan vaksin. *Antigen* dalam vaksin bertindak merangsang sistem daya lawan jangkitan (imun) untuk menghasilkan antibodi khusus terhadap penyakit tertentu. Ia menguatkan imuniti melalui rangsangan kepada sel pertahanan supaya mengenali virus atau bakteria tertentu untuk dilawan pada masa hadapan. Kesan maksimum sesuatu vaksin lazimnya akan bermula selepas dos terakhir vaksin tersebut diambil mengikut jadual imunisasi yang ditetapkan.



## Adakah Vaksin Benar-Benar Mencegah Penyakit?


Melalui imunisasi,

1. *Smallpox* telah berjaya dibasmi (*eradikasi*) di seluruh dunia pada tahun 1980. *Smallpox* adalah penyakit yang tiada rawatan dengan kadar kematian yang tinggi. Ia menyebabkan parut atau buta kepada orang yang dijangkiti.



2. *Poliomyelitis* telah dibasmi di tiga rantau di bawah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu Rantau Amerika, Eropah dan Pasifik Barat. Malaysia telah mencapai status *eradikasi polio* pada Oktober 2000.

3. Kadar morbiditi dan mortaliti (kematian) penyakit cegahan vaksin telah berkurangan dengan ketara. Imunisasi telah menjadikan dunia semakin selamat dengan menyelamatkan jutaan nyawa dari dijangkiti penyakit yang boleh dicegah ini. Tanpa imunisasi, dua hingga tiga juta lagi kanak-



kanak dan orang dewasa akan mati setiap tahun akibat penyakit *poliomyelitis*, *meningitis*, *difteria* dan penyakit cegahan vaksin yang lain.

4. Kita dilindungi dari barah (kanser) tertentu seperti vaksin *Human Papilloma Virus* (HPV) memberi perlindungan terhadap kanser pangkal rahim manakala vaksin *Hepatitis B* memberi perlindungan terhadap kanser hati.



### *Berapa Lamakah Tempoh Perlindungan Yang Diperoleh Dari Imunisasi?*

Tempoh perlindungan sesuatu vaksin berbeza-beza bergantung kepada jenis vaksin dan cara penghasilannya. Sesetengah vaksin memberi perlindungan sepanjang hayat, manakala terdapat vaksin yang boleh memberi perlindungan sehingga 30 tahun. Terdapat juga vaksin yang memerlukan dos tambahan (*booster*) untuk memastikan perlindungan berterusan.

### *Adakah Vaksin Memberi Perlindungan 100% Terhadap Penyakit Cegahan Vaksin?*

Keberkesanan vaksin tidaklah 100%. Tindak balas tubuh seseorang terhadap vaksin adalah berbeza-beza, dan terdapat kemungkinan sesetengah orang tidak menghasilkan tindak balas imun yang mencukupi terhadap vaksin yang diambil. Hasilnya, individu seperti ini tidak dilindungi dengan berkesan. Terdapat vaksin yang memerlukan dos tambahan (*booster*) untuk membantu menguatkan imuniti terhadap penyakit tertentu. Perlindungan yang diperolehi dari vaksin adalah lebih baik dari tiada perlindungan langsung.

## Anak Saya Sihat Dan Kuat, Mengapa Dia Perlu Diberi Imunisasi?

Tidak dapat dipastikan anak yang sihat akan sentiasa bebas dari dijangkiti penyakit cegahan vaksin. Penyakit boleh menjangkiti seseorang tanpa disangka. Sekiranya kanak-kanak telah diberi imunisasi, mereka akan terlindung dari penyakit cegahan vaksin.



## Bagaimana Vaksin Melindungi Kita Serta Orang Lain Dalam Masyarakat?

Apabila sebahagian besar masyarakat telah dilindungi dari jangkitan sesuatu penyakit cegahan vaksin, bakteria/virus penyebab penyakit tersebut sukar mencari seseorang yang boleh dijangkiti. Oleh itu, seluruh masyarakat akan terlindung dari jangkitan penyakit tersebut, ini dinamakan ‘imuniti kelompok’. Imuniti kelompok hanya dicapai dengan liputan imunisasi yang tinggi. Ia berupaya melindungi mereka yang tiada perlindungan imunisasi dan berisiko daripada dijangkiti bakteria/virus tersebut. Maka, imunisasi bukan sahaja melindungi individu, tetapi turut melindungi seluruh keluarga, masyarakat dan negara. Sebagai ahli masyarakat, kita bertanggungjawab untuk melindungi mereka yang tidak sesuai menerima imunisasi seperti kanak-kanak yang menghidap barah (kanser) dan perlu menjalani rawatan *kimoterapi*; lantas mereka berisiko untuk mendapat jangkitan. Tanggungjawab kita untuk melindungi mereka.

## Bagaimana Vaksin Boleh Dikatakan Selamat Jika Ia Mengandungi Kuman?

Vaksin dihasilkan dari keseluruhan atau sebahagian virus atau bakteria yang telah dimatiakan atau dilemahkan. Virus/bakteria tersebut tidak berupaya untuk menyebabkan penyakit kepada kanak-kanak yang sihat.

## Adakah Vaksin Selamat, Terutama Bagi Bayi Dan Kanak-Kanak Yang Masih Terlalu Muda?



Sebelum vaksin dipasarkan secara komersial untuk digunakan, ia diuji dengan rapi pada ribuan orang menerusi kajian klinikal berskala besar. Ia dipantau dengan ketat bagi menjamin keselamatan penerimanya. Pihak Berkusa Kawalan Dadah, Kementerian Kesihatan Malaysia akan mendaftarkan/meluluskan sesuatu vaksin sebelum ia boleh digunakan di Malaysia dan dimasukkan ke dalam program imunisasi.

## Mengapa Orang Dewasa Perlu Diberi Imunisasi?

### 1. Ibu mengandung

Banyak penyakit boleh menjangkiti ibu mengandung dan kandungannya. Contohnya jangkitan *Hepatitis B*, *rubella* dan *tetanus* (kancing gigi). Terdapat vaksin yang boleh diambil sebelum mengandung (seperti vaksin *Hepatitis B* dan vaksin *rubella*) atau semasa mengandung (seperti vaksin *tetanus*) yang akan mencegah pelbagai komplikasi kepada ibu mengandung dan kandungannya.



### 2. Perjalanan ke luar negara



Sesetengah penyakit adalah endemik (biasa berlaku) di beberapa negara di dunia. Oleh kerana itu, terdapat vaksin khusus yang disyorkan sebelum melawat ke negara yang berisiko berlaku jangkitan ini seperti vaksin demam kuning sebelum melawat ke negara-negara di benua Afrika; pelalian *polio* sebelum melawat negara Nigeria, Afghanistan atau Pakistan memandangkan negara-

negara ini masih mempunyai kes *poliomyelitis*. Jemaah Haji pula perlu mengambil vaksin *meningococcal ACW135Y* kerana ia telah ditetapkan/diwajibkan oleh Kerajaan Arab Saudi. Walaupun tiada peraturan yang ditetapkan untuk mengambil vaksin tertentu sebelum pergi ke luar negara, adalah satu langkah yang bijak untuk mendapatkannya. Ia bertujuan mencegah dari mendapat jangkitan penyakit semasa di luar Negara. Ia juga bagi menghalang dari menyebarkan jangkitan tersebut kepada orang yang disayangi setelah pulang ke tanah air.



### 3. Penyakit bermusim

Vaksin memberi perlindungan terhadap penyakit bermusim seperti influenza yang berlaku setiap tahun. Vaksin tersebut boleh mencegah ketidakhadiran ke tempat kerja atau sekolah, kemasukan ke hospital atau kematian terutama apabila wabak berlaku. Warga emas dan individu dengan sistem imuniti yang lemah atau penghidap penyakit kronik adalah berisiko untuk mendapat komplikasi sekiranya dijangkiti penyakit bermusim, dan perlu mempertimbangkan pengambilan vaksin bermusim ini.




### 4. Warga emas

Warga emas (berumur lebih 65 tahun) secara umumnya mempunyai sistem imuniti yang lemah. Mereka mudah terdedah kepada jangkitan penyakit cegahan vaksin.

Oleh itu, warga emas dinasihatkan untuk mendapatkan vaksin tertentu seperti vaksin *pneumococcal*.



## *Isu Keraguan Dan Penolakan Vaksin Dan Imunisasi Oleh Golongan Yang Mengamalkan Perubatan Homeopati*



Terlalu sedikit kajian saintifik yang telah dijalankan ke atas persediaan homeopati, dan tiada kajian saintifik yang telah dijalankan ke atas persediaan homeopati yang digunakan untuk mencegah penyakit cegahan vaksin yang tersenarai dalam jadual imunisasi kebangsaan. Manakala keberkesanan vaksin konvensional telah terbukti melalui kajian berskala besar yang telah dijalankan untuk mengkaji keselamatan dan keberkesanan vaksin sebelum ia digunakan dengan meluas. Oleh itu, keberkesanan persediaan homeopati dalam mencegah penyakit cegahan vaksin masih belum dibuktikan.

Terdapat beberapa produk homeopati yang dijual sebagai ‘vaksin’. Kebanyakan produk tersebut dihasilkan daripada proses pencairan pati (ekstrak) tisu berpenyakit atau pati tumbuhan kepada tahap di mana tiada bahan asal masih berbaki dalam hasil akhir produk sebelum ia dijual. Proses ‘succussion’ tersebut dikatakan boleh memindahkan kesan perlindungan dari bahan asal ke dalam air yang digunakan untuk proses pencairan tersebut. Namun, dari sudut biologi tiada penjelasan munasabah bagaimana pengambilan persediaan homeopati tersebut boleh mencegah jangkitan dan/atau penyakit.

Ramai pengamal homeopati yang menyokong pemberian vaksin konvensional untuk perlindungan terhadap penyakit cegahan vaksin. Di antaranya, Persatuan Homeopati Australia dan Persatuan Perubatan Homeopati United Kingdom mengesyorkan imunisasi melalui pemberian vaksin konvensional. Persatuan Pengamal Homeopati United Kingdom juga tidak menggalakkan ahlinya menasihati pesakit supaya menolak vaksin. Majlis Perubatan Homeopati Malaysia juga sependapat dengan badan-badan homeopati antarabangsa bahawa imunisasi perlu diberi menggunakan vaksin konvensional.



## Program Imunisasi Kebangsaan

Di Malaysia, Program Imunisasi Kebangsaan diperkenalkan pada awal tahun 1950an. Perkhidmatan tersebut diberikan percuma untuk melindungi kanak-kanak daripada jangkitan *Tuberculosis* (batuk kering), *Hepatitis B*, *difteria*, *pertussis* (batuk kokol), *poliomyelitis*, *Haemophilus Influenza Type B*, *measles* (campak), *mumps* (beguk), *rubella*, *Human Papilloma Virus* (HPV) dan *Japanese encephalitis* (JE).



### *Apakah Pendirian/Ketetapan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Mengenai Kedudukan Beberapa Jenis Vaksin dan Imunisasi*

Fenomema ibubapa enggan memberikan suntikan imunisasi kepada anak-anak mereka di klinik-klinik adalah amat membimbangkan. Perbuatan ini bukan sahaja merbahaya kepada anak-anak yang merupakan generasi masa depan kita, tetapi juga boleh menjadi punca merebaknya jangkitan penyakit-penyakit merbahaya tersebut.

Dalam hal ini Islam amat menitikberatkan keselamatan umat manusia. Perlu difahami bahawa sesuatu perkara yang hendak dilaksanakan untuk maslahah ummah hanya diperakurkan oleh syarak sekiranya tidak bercanggah dengan Maqasid Syar'iyyah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Menurut fuqaha', sebarang penyakit perlu dihindari, dirawat dan diubati. Dalam konteks ini pencegahan daripada sebarang bentuk gejala yang boleh menjelaskan kesihatan dan nyawa adalah menjadi pegangan dan keutamaan ajaran Islam.



Berdasarkan ketetapan dan panduan syarak tersebut, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia sejak dari tahun 1988 lagi telah mengeluarkan beberapa pandangan hukum yang berkaitan langsung dengan imunisasi yang seharusnya menjadi panduan seluruh umat Islam, antaranya Imunisasi *Hepatitis B* Menurut Islam, Pandangan Islam Terhadap Imunisasi Campak, *Tibi*, Batuk Kokol, *Difteria*, *Tetanus* dan *Polio*, Ubat Pelalian *Rubela* (Imunisasi *Rubela*), Hukum Suntikan Pelalian Vaksin *Meningococcal Meningitis* oleh Orang Islam, Hukum Pengambilan Vaksin *Human Papilloma Virus* (HPV) dan Hukum Penggunaan Vaksin *Meningitis Meningoencephalitis*. Maklumat-maklumat mengenai keputusan tersebut boleh diperolehi melalui Portal e-fatwa ([www.e-fatwa.gov.my](http://www.e-fatwa.gov.my))

\* Ilustrasi adalah sekadar hiasan

**KENYATAAN AKHBAR BERSAMA**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA DAN KETUA PENGARAH JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**PENJELASAN TERHADAP KERAGUAN SUNTIKAN VAKSIN (IMUNISASI)**

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menyedari ada di kalangan ibubapa yang agak khawatir dan ragu-ragu untuk memberikan suntikan vaksin atau imunisasi kepada bayi mereka ekoran daripada berita-berita dan khabar angin yang tersebar luas di media baru yang mengatakan bahawa vaksin mengandungi bahan-bahan haram dan membahayakan yang boleh mengancam kesihatan dan nyawa manusia. Juga turut disebarluaskan ialah program imunisasi yang dijalankan oleh Kerajaan adalah bertujuan untuk melemahkan umat Islam. Semua berita yang tersebut ini dilakukan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dan sebenarnya boleh mendedahkan anak-anak dan masyarakat kita dengan kemungkinan dijangkiti penyakit-penyakit merbahaya yang boleh mengancam nyawa.
  2. Program Imunisasi Kanak-Kanak Kebangsaan telah dijalankan oleh Kerajaan sejak tahun 1950an. Imunisasi bertujuan untuk mencegah 12 jenis penyakit berjangkit disebabkan oleh bakteria dan virus tertentu, diberikan percuma kepada bayi dan kanak-kanak di klinik kerajaan. Kematian kanak-kanak telah menurun sebanyak 85% bagi tempoh 1970 hingga 2000, antaranya hasil dari peningkatan skop perkembatan kesihatan termasuk imunisasi. Imunisasi juga telah berjaya membasmikan cacar (*smallpox*) dari dunia ini. Manakala *polio* telah berjaya dibasmi di kebanyakan negara di dunia, termasuk Malaysia. Imunisasi bukan saja melindungi penerima tetapi juga menghalang penyebaran penyakit tersebut.
  3. Vaksin tidak mengandungi bahan-bahan yang boleh merosakkan tubuh manusia. Ia mengandungi bahan aktif dari bakteria atau virus iaitu *antigen* yang membantu tubuh manusia menghasilkan antibodi untuk melawan penyakit apabila diajangkiti. Vaksin juga mengandungi komponen lain seperti bahan pengawal (*preservatives* dan *additives*) serta *adjuvant*. Setiap komponen dan bahan ini memainkan peranan penting dalam pengawalan kualiti, keberkesanannya dan keselamatannya.
  4. Semua vaksin yang digunakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah berdaftar dengan Pihak Berkusa Kawalan Dadah (PBKD). Vaksin-vaksin ini telah dinilai mengikut keperluan piawaian antarabangsa termasuk Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dari aspek kualiti, keselamat dan keberkesanannya (efikasi).
  5. Kesan sampingan akibat imunisasi seluruhnya adalah ringan dan tidak berbahaya berbanding dengan kesan jangkitan penyakit itu sendiri. Kesan sampingan yang kerap dilaporkan adalah demam dan sakit di tempat suntikan. Pusat Pemonitoran Kesan Advers Ubat Kebangsaan, Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan, KKM sentiasa memantau kesan sampingan akibat imunisasi di semua fasiliti kesihatan. Sehingga kini, tiada tindakan regulatori terhadap vaksin akibat kesan sampingan.
  6. Sebarang kesan sampingan akibat vaksin juga dilaporkan kepada WHO dan data dikongsi dengan semua negara. Justeru, sebarang kesan sampingan berbahaya dapat diambil tindakan secara bersepada pada peringkat antarabangsa.
  7. Sekiranya terdapat sebarang keraguan atau sebarang kesan sampingan selepas imunisasi, masyarakat boleh membuat laporan kepada manama ahli profesional kesihatan atau terus kepada Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan melalui talian 03 - 7883 5400 atau emel ke [bpfk@bpfk.gov.my](mailto:bpfk@bpfk.gov.my).
  8. Dari aspek pandangan syarak pula, imunisasi merupakan satu jalan pencegahan. Pencegahan adalah perkara yang amat dituntut dalam Islam sesuai dengan kaedah Usul Fiqh iaitu *سند التبرع*.
  9. Al-Aili Abdul Hakim dalam buku *Mausu'ah Huquq Al-Insan Fi Al-Islam*, menyifatkan kesihatan individu merupakan tuntutan agama dan kehidupan, di mana ia akan memberi manfaat kepada kehidupan seluruh umat manusia. Dalam isu ini, vaksin bukan lagi merupakan kewehdah sesorang, tetapi bahan pencegah ini kini menjadi keperluan kepada masyarakat secara umumnya.
  10. Fenomena ibubapa enggan memberikan suntikan vaksin kepada anak-anak mereka di klinik-klinik adalah amat membimbangkan. Perbuatan ini bukan sahaja merbahaya kepada anak-anak yang merupakan generasi masa depan kita, tetapi juga boleh menjadikan punca merebaknya jangkitan penyakit-penyakit merbahaya tersebut.
11. Dalam hal ini Islam amat menitikberatkan keselamatan umat manusia. Sesuatu perkara yang hendak dilaksanakan untuk maslahah ummah hanya diperakurkan oleh syarak sekiranya tidak bercanggah dengan Maqasid Syar'iyyah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Menurut fuqaha', sebarang penyakit perlu dihindari, dirawat dan diubati. Dalam konteks ini pencegahan daripada sebarang bentuk gejala yang boleh menjelaskan kesihatan dan nyawa adalah menjadi pegangan dan keutamaan ajaran Islam.
  12. Imunisasi adalah satu cara pencegahan yang dapat dilakukan bagi mengelakkan penyakit-penyakit merbahaya yang mengancam nyawa khususnya kanak-kanak seperti campak, *tibi*, batuk kokol, *difteria*, *tetanus* atau *polio*. Penggunaan vaksin dalam program imunisasi bagi mengelakkan penyakit-penyakit yang berkenaan adalah diharuskan oleh syarak sesudah dengan *Caedah Fiqhiyyah* iaitu *شروع المفسدة مقتضى حجب المصالح* (Menolak Kerosakan Adalah Didahului Daripada Mencari Kemaslahatan) kerana sesuatu kerosakan akan cepat berkembang dan bahayanya adalah lebih besar sekiranya tidak dicegah daripada awal. Kejuruan ini juga adalah berdasarkan Firman Allah S.W.T. dalam surah Al- Baqarah, Ayat 195 yang bermaksud: *Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu kedalam bahaya kebinasan*.
  13. Islam memang pada dasarnya menegah penggunaan ubat dari sumber yang haram untuk mengubati sesuatu penyakit berdasarkan hadith Rasulullah S.A.W. yang bermaksud: "Dari Abi Darda' RA, Rasulullah S.A.W. berkata: Sesungguhnya Allah telah menurunkan penyakit dan penawar, dan Dia telah menjadikan bagi tiap-tiap penyakit itu penawar, maka kamu semuanya berubatlah dan janganlah kamu semua berubat dengan (perkara-perkara) yang haram".
  14. Walau bagaimanapun, dalam keadaan dharurat di mana tiada ubat lain yang boleh digunakan secara berkesan untuk mengubati sesuatu penyakit, sedangkan sesuatu penyakit itu perlu dielak dan dirawat untuk memelihara kesihatan diri dan nyawa, ubat yang bersumberkan perkara-perkara yang ditegah adalah diharuskan selama mana tiada ubat lain dari sumber yang halal ditemui dan ianya dilakukan mengikut kadar yang diperlukan sahaja.
  15. Berdasarkan ketetapan dan panduan syarak tersebut, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia sejak tahun 1988 lagi telah mengeluarkan beberapa pandangan hukum yang berkaitan langsung dengan imunisasi yang seharusnya menjadi panduan seluruh umat Islam, antaranya Imunisasi *Hepatitis B* Menurut Islam, Pandangan Islam Terhadap Imunisasi Campak, *Tibi*, Batuk Kokol, *Difteria*, *Tetanus Dan Polio*, Ubat Pelaihan *Rubela* (Imunisasi *Rubela*), Hukum Suntikan Pelaihan Vaksin *Meningococcal Meningitis* Oleh Orang Islam, Hukum Penggunaan Vaksin *Biotrax* Dan Vaksin *Rotateq* Yang Menggunakan Unsuri Babi Dalam Proses Penghasilannya, Hukum Pengambilan Vaksin *Human Papilloma Virus* (HPV) dan Hukum Penggunaan Vaksin *Meningitis Meningo*. Maklumat-maklumat mengenai keputusan tersebut boleh diperolehi melalui Portal e-fatwa ([www.e-fatwa.gov.my](http://www.e-fatwa.gov.my)).
  16. Sukacita pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dan JAKIM menasihatkan seluruh masyarakat supaya tidak mudah terpengaruh danpercaya dengan berita-berita yang disebarkan dalam pelbagai saluran media oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Sekiranya timbul keraguan atau perlukan pengesahan, eloklah merujuk kepada pihak berkewasa supaya penyebaran isu-isu seumpama ini tidak menimbulkan kegelisahan kepada masyarakat seluruhnya.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
**Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia**

**DATO' HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA**  
**Ketua Pengarah**  
**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**

Tarikh: 15 Jun 2013



جَابْرَانْ كِمْبُوْنَ إِسْلَامْ مَالِيْزِيَا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA  
BAHAGIAN PENGURUSAN FATWA  
ARAS 5 BLOK D7, KOMPLEKS D  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62519 PUTRAJAYA  
TEL: 03-8886 4000  
FAKS: 03-8889 2032

**EDARAN PERCUMA**



[fatwamalaysia](#)



[Fatwa.Malaysia@felofatwa](mailto:Fatwa.Malaysia@felofatwa)



[www.e-fatwa.gov.my/blog](http://www.e-fatwa.gov.my/blog)